

Headline	Enam orang angkat sumpah sebagai Senator		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	233 cm ²
AdValue	RM 4,605	PR Value	RM 13,815



Enam orang angkat sumpah sebagai Senator

KUALA LUMPUR 30 Mei - Seramai enam orang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang hari ini.

Dua daripadanya adalah pelantikan baharu, mereka ialah Timbalan Ketua Wanita UMNO Sungai Petani, Senator Shahanim Mohamad Yusoff dan bekas Ketua Bahagian UMNO Jerai, Datuk Mohd. Suhaimi Abdullah.

Kedua-dua Senator baharu itu dilantik buat pertama kali untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa hari ini.

Sementara empat lagi merupakan pelantikan semula bagi penggal kedua dan mereka ialah Datuk Yunus Kurus, Datuk Seri Syed Ibrahim Kader, Datuk Chin Su Phin dan Norliza Abdul Rahim.

Shahanim, 41, merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian) Universiti Utara Malaysia (UUM), pernah memegang jawatan sebagai Naib Ketua Puteri UMNO pada 2009 hingga 2013 dan kini merupakan Yang Dipertua Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Negeri Kedah.

Mengulas pelantikannya, beliau memberitahu, tumpuan akan diberikan kepada hal ehwal wanita muda yang bekerjaya iaitu di sektor swasta dan awam termasuk golo-

ngan suri rumah.

“Saya tekad mahu menanam semangat kasih sayang di kalangan wanita muda kepada kerajaan. Wanita muda tidak boleh disisihkan kerana semangat jati diri mereka ketika usia ini amat menebal oleh itu kita harus beri perhatian kepada mereka,” katanya.

Bagi Mohd. Suhaimi, 56, yang kini merupakan Bendahari Persekutuan Mencegah Dadah Malaysia

(Pemadam), sebagai senator beliau akan memainkan peranan menegenahkan isu berkaitan golongan beliau, memandangkan mereka wajar diberi bimbingan pada setiap masa supaya tidak mudah terjerumus dengan aktiviti yang tidak sihat.

Beliau juga akan membantu kumpulan petani di negeri Kedah meningkatkan sektor pertanian yang pelbagai dalam usaha menaik

taraf ekonomi mereka yang seterusnya akan memberi impak positif kepada pendapatan negara.

Terdahulu, Abu Zahar yang mengalu-alukan pelantikan keenam-enam senator tersebut menasihati mereka supaya sentiasa mengutamakan kredibiliti dan integriti sebagai pemimpin di samping menghayati dan mendukung Perlembagaan Persekutuan.



MOHD SUHAIMI
ABDULLAH



SYED IBRAHIM KADER



YUNUS KURUS



CHIN SU PHIN



NORLIZA ABDUL RAHIM



SHAHANIM
MOHAMAD YUSOFF